

Banjir: 20 kanak-kanak, lima guru dipindah

SHAH ALAM 11 Ogos - Hujan lebat tanpa henti selama kira-kira empat jam menyebabkan 20 kanak-kanak termasuk lima guru wanita terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat apabila sebuah tadika di Bandar Puncak Alam di sini dinaiki air akibat banjir kilat.

Kejadian dikatakan berlaku selepas hujan lebat turun di kawasan berkenaan bermula pukul 4 petang dan mengakibatkan tadika dua tingkat terbabit yang terletak di kawasan perumahan dinaiki air sedalam satu meter.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang ramai mengenai kejadian pada pukul 5.15 petang sebelum mengerahkan anggotanya yang dilengkapi bot dari Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya untuk memindahkan kanak-kanak serta guru-guru yang terlibat.

"Bagaimanapun, tiada sebarang

insiden tidak diingini berlaku.

"Kesemua kanak-kanak terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan serta guru tadika terbabit berjaya dipindahkan ke kawasan yang selamat," katanya di sini hari ini.

Selain menggunakan bot, pemindahan kanak-kanak tadika berkenaan turut dilakukan secara fizikal oleh petugas bomba iaitu dengan mendukung mereka yang turut dibantu oleh penduduk serta ibu bapa masing-masing.

Difahamkan, selain tadika terbabit, hujan lebat turut mengakibatkan sebilangan kediaman serta kedai di kawasan sekitar dinaiki air termasuk menenggelamkan jalan raya sehingga tidak boleh dilalui oleh kenderaan ringan.

Penduduk yang terjejas akibat banjir kilat itu ditempatkan sementara di sebuah surau di Lorong Lautan Samudera sementara menunggu air surut.

BEBERAPA kanak-kanak dipindahkan ke kawasan selamat menggunakan bot di Bandar Puncak Alam, Shah Alam, Selangor semalam.



PENDUDUK mendukung kanak-kanak dari sebuah tadika yang dinaiki air ekoran hujan lebat semalam. - IHSAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT SELANGOR